



JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA
NEGERI PAHANG (PLAN Malaysia Pahang)

PELAN ANTI-RASUAH ORGANISASI
(Organisation Anti-Corruption Plan)
2025

KATA-KATA ALUAN



Salam Sejahtera
Maju Terus Pahang, Pahang1st

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita menzahirkan Pelan Anti-Rasuah Organisasi atau dikenali sebagai *Organisation Anti-Corruption Plan* (OACP) yang komprehensif dan inklusif khusus untuk Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pahang (PLANMalaysia Pahang).

Kerajaan sentiasa menekankan pembudayaan integriti dan tadbir urus baik di kalangan penjawat awam di Negara ini dan ianya merupakan antara teras utama dalam pembentukan tingkah laku yang betul dan jelas di kalangan warganya. Pelbagai usaha giat dilaksanakan oleh Kerajaan dalam menyemai penghayatan dan pengukuhan kepada konsep integriti menerusi program-program dan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan sama ada di dalam atau di luar organisasi di peringkat global mahu pun nasional di dalam atau di luar negara.

Oleh yang demikian, pengurusan risiko merupakan salah satu elemen penting dalam pengurusan sesebuah organisasi yang perlu diberi perhatian. Lantaran itu, PLANMalaysia Pahang telah menggariskan hala tuju pengurusan risiko berasaskan aspek-aspek seperti perundangan, strategik, keselamatan maklumat, sumber manusia, reputasi, kewangan dan operasi. Melaluinya, Jabatan boleh mengukur, menganalisis tahap risiko sesuatu program dan seterusnya mengambil tindakan untuk merancang dan mengawal risiko yang dikenal pasti. Selaras dengan itu adalah menjadi keutamaan jabatan untuk memastikan penambahbaikan dan pemantapan berterusan terhadap pelan pengurusan risiko kementerian yang berkesan bagi menjamin kesinambungan sistem penyampaian perkhidmatan.

Melalui strategi dan pendekatan yang direncanakan menerusi Pelan ini, pembudayaan, penghayatan dan pengukuhan terhadap nilai-nilai integriti akan dapat dipertingkatkan, yang akhirnya dapat menghasilkan warga kerja jabatan yang mempunyai rasa tanggungjawab dan mengamalkan prinsip-prinsip integriti dalam segenap aspek kehidupan. Akhir kata, saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih atas komitmen tinggi semua pihak dalam menyediakan pelan tindakan ini. Semoga apa jua yang kita usahakan pada hari ini akan membuahkan hasil yang baik pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

Dato' TPr. Nik Noraisu binti Nik Ibrahim, DIMP., AMP.
Pengarah PLANMalaysia Pahang

1. PROFIL JABATAN

VISI

Menjadi Peneraju Perancangan Bandar dan Desa Ke Arah Kelestarian Persekitaran Kehidupan Menjelang 2030.

MISI

Memacu Perancangan Fizikal Negeri Pahang Melalui Pelaksanaan Dasar dan Strategi Perancangan Yang Komprehensif.

OBJEKTIF

- Merancang, mengawal dan menyelarar pemajuan, penggunaan dan pemuliharaan tanah melalui pelaksanaan berkesan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172);
- Menyelarar, memudahcara dan mengawalselia sistem perancangan yang seragam untuk semua Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh negeri;
- Menyediakan dan memperkasa pengurusan maklumat perancangan kepada Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain pihak berkepentingan;
- Memberi khidmat perundingan dan nasihat perancangan kepada semua pihak berkepentingan berkaitan dasar, piawaian dan garis panduan perancangan; dan
- Memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan perancangan bandar dan desa yang sistematik, inovatif, efektif dan efisien.

PERANAN & FUNGSI

- Bertindak sebagai agensi penasihat utama kepada Kerajaan Negeri tentang semua hal berkaitan perancangan guna tanah termasuk penggunaan dan pembangunan tanah sepertimana yang termaktub di dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172);
- Bertindak sebagai urus setia kepada Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) yang ditubuhkan di bawah Akta 172;
- Menasihati Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan berhubung dasar dan kawalan perancangan tanah;
- Menyediakan, memudahcara dan memantau pembangunan dalam Negeri melalui pelaksanaan dan kawal selia rancangan-rancangan pembangunan;
- Mengendalikan, membantu dan menggalakkan pengumpulan, pengemaskinian dan penerbitan statistik, buletin, monograf dan penerbitan lain yang berkaitan dengan perancangan bandar dan desa; dan
- Menyedia dan menyelaraskan pangkalan data guna tanah Negeri.

NILAI BERSAMA

INTEGRITI	: Melaksanakan amanah dan kuasa yang dipertanggungjawabkan demi kepentingan awam dan bukan kepentingan diri sendiri.
KERJA BERPASUKAN	: Tidak melakukan kerja secara silo dan saling bantu-membantu dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberi.
KECEMERLANGAN	: Mengekalkan tahap kecemerlangan dan pencapaian yang unggul, terbaik dan tertinggi dalam semua aspek.
INOVATIF	: Melaksanakan penambahbaikan proses kerja serta menjalankan setiap tugas dan tanggungjawab yang diberi secara kreatif.
SENTIASA RELEVAN	: Memastikan dasar-dasar Kementerian sentiasa mengikut keperluan, perubahan dan trend semasa.
PROAKTIF DAN RESPONSIF	: Berfikir dan mengambil tindakan sebelum sesuatu isu atau permasalahan wujud.

2. PENGENALAN RISIKO RASUAH

Pelan Anti-Rasuah Organisasi atau *Organisation Anti-Corruption Plan* (OACP) secara umumnya merupakan satu pelan pengurusan yang dibangunkan sebagai langkah proaktif yang mengandungi tindakan pencegahan terhadap risiko rasuah yang mungkin atau berpotensi berlaku di sesebuah organisasi. Ianya merupakan langkah terancang dan sistematik yang dirangka ke arah memperkukuhkan sistem tadbir urus organisasi yang baik dalam usaha menutup ruang dan peluang rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan bagi mewujudkan sebuah sistem pengurusan yang bercirikan anti rasuah dan mendukung nilai integriti.

Definisi Rasuah

Berdasarkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM), "rasuah" ditakrifkan sebagai penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi. Suapan terdiri daripada wang, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, jawatan, upah dan diskaun.

Berdasarkan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Akta SPRM 2009) (Akta 694), terdapat empat (4) kesalahan rasuah yang utama iaitu:

- i) Meminta atau menerima rasuah;
- ii) Menawar atau memberi suapan;
- iii) Mengemukakan tuntutan palsu; dan
- iv) Menggunakan jawatan/ kedudukan untuk suapan pegawai badan awam.

Punca-Punca Rasuah

Antara faktor asas berlakunya rasuah ialah lemah kawalan dalaman diri (integriti) iaitu sifat tamak seseorang individu dan juga kerana wujudnya peluang untuk melakukan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

Punca wujudnya ruang dan peluang untuk berlakunya rasuah adalah kerana kelemahan kawalan dalaman organisasi, kelemahan kepimpinan dan penyeliaan, amalan tradisi sesebuah organisasi dan ketidakpatuhan kepada peraturan. Kelemahan kawalan dalaman organisasi menimbulkan kesan yang tidak baik kepada organisasi seperti:

- i) Rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan;
- ii) Pembaziran pengguna masa;

- iii) Peningkatan aduan awam;
- iv) Kelewatan menyiapkan tugas;
- v) Pembaziran sumber kewangan;
- vi) Kurang kualiti dan produktiviti; dan
- vii) Menjejaskan imej Jabatan.

Secara umumnya, faktor dalaman yang boleh mendorong kepada perlakuan rasuah dirumuskan berdasarkan kategori berikut:

- i) Kegagalan pentadbiran (manipulasi terhadap sistem dan prosedur);
- ii) Konflik kepentingan (kuasa budi bicara, kuasa mutlak dan campur tangan politik);
- iii) Kelemahan kawalan dalaman dan ketidakpatuhan; dan
- iv) Kurang ketelusan.

Selain daripada faktor dalaman, faktor luaran juga boleh menjadi punca berlakunya rasuah. Disebabkan desakan dan tekanan daripada masyarakat, cara hidup, budaya dan persekitaran, seseorang individu yang kurang penghayatan agama, moral dan integriti juga boleh terdorong untuk melakukan rasuah demi kepentingan diri. Antaranya ialah:

- i) Faktor ekonomi;
- ii) Faktor sosial dan budaya;
- iii) Faktor politik; dan
- iv) Faktor pendidikan.

Membanteras Rasuah

Integriti dan tadbir urus yang baik merupakan penyelesaian bersama kepada gejala rasuah. Rasuah dapat dielakkan sekiranya seseorang individu itu berintegriti dan konsisten dalam melakukan perkara yang betul walaupun tiada orang yang melihat tindakannya.

Dalam konteks perkhidmatan awam, wajarlah sekiranya semua organisasi membangunkan pelan tindakan OACP masing-masing sebagai alat ukuran bagi mencegah gejala rasuah. Perkhidmatan awam yang bebas dari rasuah berupaya menarik keyakinan pelabur dan kepercayaan masyarakat sekaligus meningkatkan martabat dan imej penjawat awam keseluruhannya.

3. PEMBENTUKAN PELAN ANTI-RASUAH ORGANISASI

Komponen Pelan Anti-Rasuah Organisasi

Terdapat empat (4) komponen utama diperhalusi bagi merangka Pelan Anti-Rasuah Organisasi (sila rujuk Rajah 1) seperti berikut:-


1. Mengenal pasti risiko;
2. Membuat pengukuran;
3. Mengadakan kawalan; dan
4. Menyediakan pelan tindakan dan pemantauan.

Alat Pengukuran Pelan Anti-Rasuah Organisasi

Risiko-risiko yang telah dikenalpasti akan diukur berdasarkan impak dan juga keberangkalian ianya berlaku di Jabatan. Segala peruntukan akta, dasar, prosedur dan garis panduan sedia ada akan dikenalpasti sebagai kawalan sedia ada bagi memastikan risiko tersebut dapat dielakkan. Alat pengukuran yang digunakan seperti berikut:-

1. Jadual Parameter Impak Risiko
(Rujukan di Jadual 1)
2. Jadual Parameter Keberangkalian
(Rujukan di Jadual 2)
3. Jadual Metrik Risiko
(Rujukan di Rajah 2)

RAJAH 1 : KOMPONEN UTAMA PELAN ANTI-RASUAH ORGANISASI



JADUAL 1 : PARAMETER IMPAK RISIKO

Faktor	Consequences				
	Insignificant	Minor	Moderate	Major	Catastrophic
Pengukuran Impak					
Imej/reputasi	Impak rendah, tidak menjadi berita	Impak rendah, berita profil rendah	Mengaib pada orang ramai, berita profil sederhana	Mengaib pada orang ramai, berita profil tinggi, tindakan pihak ketiga	Mengaib pada orang ramai, penyebaran meluas berita profil tinggi, tindakan pihak ketiga
Aduan awam	< 2 per bulan	3-5 per bulan	6-10 per bulan	11-20 per bulan	> 20 per bulan
Perundangan/ Pematuhan	Denda minima	Denda sederhana	Denda banyak	Denda banyak, mungkin termasuk pertuduhan jenayah	Pemeriksaan rapi dan penyiasatan besar
Akibat risiko/ Usaha pengurusan	Impak boleh diserap melalui aktiviti biasa/normal	Peristiwa yang merugikan yang mana boleh diserap melalui usaha pihak pengurusan	Perkara yang serius yang perlu usaha tambahan dari pengurusan	Peristiwa yang kritikal yang perlu usaha luar biasa dari pengurusan	Malapetaka yang berpotensi kepada kemusnahan/ kejatuhan (collapse)

JADUAL 2: PARAMETER KEBARANGKALIAN

Penerangan	Penerangan Kebarangkalian Risiko
Almost Certain	Peristiwa dijangkakan berlaku dalam banyak keadaan, contoh ianya kemungkinan berlaku lebih 85% dalam tempoh 12 bulan akan datang.
Likely	Peristiwa berkemungkinan berlaku dalam banyak keadaan, contoh ianya berlaku di atas di antara 50% dan 84% dalam tempoh 12 bulan akan datang.
Moderate	Peristiwa mungkin berlaku dalam beberapa keadaan, contoh berlaku di antara 25% dan 49% dalam tempoh 12 bulan akan datang.
Unlikely	Peristiwa boleh berlaku dalam beberapa keadaan, contoh antara 5% dan 24% dalam tempoh 12 bulan akan datang.
Rare	Peristiwa mungkin berlaku hanya dalam keadaan luar biasa, contoh di bawah 5% berlaku dalam tempoh 12 bulan akan datang.

RAJAH 2 : JADUAL METRIK RISIKO

		Impak				
Kebarangkalian		<u>Insignificant</u>	<u>Minor</u>	<u>Moderate</u>	<u>Major</u>	<u>Catastrophic</u>
	<i>Almost Certain</i>	Significant	Significant	High	High	High
	<i>Likely</i>	Moderate	Significant	Significant	High	High
	<i>Moderate</i>	Low	Moderate	Significant	High	High
	<i>Unlikely</i>	Low	Low	Moderate	Significant	High
	<i>Rare</i>	Low	Low	Moderate	Significant	Significant

**Risiko diukur dalam terma wujud kebarangkalian (likelihood) & impak/akibat (consequence).*

4. PENGURUSAN RISIKO RASUAH

Daftar Risiko Rasuah PLANMalaysia Pahang

Berdasarkan pemerhatian terhadap sifat kerja, etika dan senario semasa jabatan, terdapat enam (6) risiko rasuah yang dikenalpasti berpotensi berlaku di dalam organisasi seperti jadual berikut:-

Kod Risiko	Risiko
1	Pengeluaran data geospasial antara pegawai Jabatan dan pihak berkepentingan dan untuk kepentingan peribadi
2	Kebocoran maklumat terperinci (dokumen kajian) semasa peringkat penyediaan terma rujukan
3	Pakatan pegawai Jabatan dengan pihak berkepentingan terhadap maklumat kerajaan yang belum dimuktamad kan
4	Penyelewengan/salah guna kuasa dalam memberi syor/ulasan perancangan
5	Pegawai menerima bayaran/habuan/upah daripada pelanggan untuk mempercepatkan semakan zoning untuk kepentingan peribadi
6	Penyalahgunaan kuasa oleh pegawai dalam proses perolehan dan kewangan

Risiko-risiko yang telah dikenalpasti akan diukur berdasarkan impak dan juga keberangkalian ia berlaku di Jabatan. Segala peruntukan akta, dasar, prosedur dan garis panduan sedia ada akan dikenalpasti sebagai kawalan sedia ada bagi memastikan risiko tersebut dapat dielakkan.

Daripada satu (1) risiko berada di tahap 'high' bagi tahap risiko kasar manakala tiga (3) risiko di tahap 'significant' dan dua (2) risiko berada di tahap 'moderate' (tanpa kawalan sedia ada dan kawalan tambahan). Setelah risiko-risiko ini dinilai dengan kawalan sedia ada dan kawalan tambahan, daripada enam (6) risiko tersebut hanya empat (4) risiko berada di tahap 'moderate' manakala dua (2) risiko lagi berada di tahap 'low'.

(Rujukan di Jadual 3 dan Rajah 3).

JADUAL 3: RINGKASAN RISIKO RASUAH

ID	Risiko	Pemilik Risiko	Tahap Risiko Kasar (Tanpa Kawalan)	Baki Tahap Risiko (Kawalan Sedia Ada)	Sasaran Tahap Risiko Kawalan Tambahan)
1.	Pengeluaran data geospatial antara pegawai Jabatan dan pihak berkepentingan dan untuk kepentingan peribadi.	BRP	High	Significant	Low
2.	Kebocoran maklumat terperinci (dokumen kajian) semasa peringkat penyediaan Terma Rujukan.	BRP	Significant	Moderate	Low
3.	Pakatan pegawai Jabatan dengan pihak berkepentingan terhadap maklumat kerajaan yang belum dimuktamadkan.	BK/BRP/BKP	Significant	Low	Low
4.	Penyelewengan/salah guna kuasa memberi syor/ulasan perancangan.	BKP	Significant	Significant	Low
5.	Pegawai menerima bayaran/habuan/upah daripada pelanggan untuk mempercepatkan semakan zoning untuk kepentingan peribadi.	BKP/BRP	High	Significant	Low
6.	Penyalahgunaan kuasa oleh pegawai dalam proses perolehan dan kewangan.	BP	High	Significant	Low

RAJAH 3 : PEMETAAN RISIKO RASUAH (RISK MAP)

Kebearangkalan	Impak					Kod Risiko	Risiko
	Insignificant	Minor	Moderate	Major	Catastrophic		
<i>Almost Certain</i>						1	Pengeluaran data geospasial antara pegawai Jabatan dan pihak berkepentingan dan untuk kepentingan peribadi
<i>Likely</i>						2	Kebocoran maklumat terperingkat (dokumen kajian) semasa peringkat penyediaan terma rujukan
<i>Moderate</i>						3	Pakatan pegawai Jabatan dengan pihak berkepentingan terhadap maklumat kerajaan yang belum dimuktamadkan
<i>Unlikely</i>						4	Penyelewengan/salah guna kuasa dalam memberi syor/ulasan perancangan
<i>Rare</i>						5	Pegawai menerima bayaran/habuan/upah daripada pelanggan untuk mempercepatkan semakan zoning untuk kepentingan peribadi
						6	Penyalahgunaan kuasa oleh pegawai dalam proses perolehan dan kewangan

Petunjuk:

Low	Moderate	Significant	High
Risiko Kasar	Baki Tahap Risiko	Sasaran Tahap Risiko	

POTENSI RISIKO RASUAH

Kod Risiko	Potensi Risiko Rasuah	Punca-Punca	Akibat	Impak	Kebarang-kalian	Tahap Risiko	Tindakan
1	Pengeluaran data geospasial antara pegawai Jabatan dan pihak berkepentingan dan untuk kepentingan peribadi	1. Pegawai kepentingan peribadi; 2. Pengeluaran data tanpa mematuhi prosedur permohonan data; 3. Tiada sistem kawalan urusan pengeluaran data; 4. Kurang penyeliaan pegawai terhadap kawalan keluar masuk data; 5. Kecuaian pegawai dalam urusan simpanan dan keselamatan data; 6. Kurang kesedaran/ pemahaman pegawai terhadap kawalan keselamatan data; dan 7. Tiada pelaporan terhadap salah laku pegawai.	1. Data mudah disalah guna atau dimanipulasi untuk kepentingan peribadi; 2. Kredibiliti dan imej Jabatan terjejas; 3. Kerajaan mengalami kerugian hasil; dan 4. Peningkatan risiko terhadap keselamatan maklumat-maklumat kerajaan.	Major	Likely	High	Reduce
2	Kebocoran maklumat terperinci (dokumen kajian) semasa peringkat penyediaan Terma Rujukan	1. Kurang penyeliaan terhadap pengurusan dokumen Terma Rujukan; 2. Kurang kesedaran/ pemahaman pegawai terhadap kawalan dokumen (simpanan, pergerakan dan pelupusan) Terma Rujukan; 3. Kecuaian pegawai dalam melaksanakan tugas; tidak jujur, tidak amanah, tidak	1. Maklumat dari dokumen Terma Rujukan terdedah kepada pihak berkepentingan; 2. Perunding tidak kompeten terpilih; 3. Kredibiliti dan imej Jabatan terjejas; dan 4. Kualiti hasil kajian tidak mencapai objektif kajian.	Moderate	Likely	Significant	Reduce

Kod Risiko	Potensi Risiko Rasuah	Punca-Punca	Akibat	Impak	Kebarang-kalian	Tahap Risiko	Tindakan
		bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas; 4. Tiada laporan terhadap salah laku pegawai; dan 5. Kepentingan peribadi pegawai.					
3	Pakatan pegawai Jabatan dengan pihak berkepentingan terhadap maklumat kerajaan yang belum dimuktamadkan	1. Kurang penyeliaan terhadap pengurusan dokumen kertas kerja; 2. Kurang kesedaran/pemahaman pegawai terhadap kawalan dokumen (simpanan, pergerakan dan pelupusan) dokumen; 3. Kecuaian pegawai dalam melaksanakan tugas; 4. Pegawai tidak berintegriti dalam melaksanakan tugas; 5. Tawaran dari pihak berkepentingan; dan 6. Kepentingan peribadi.	1. Maklumat dari dokumen kertas kerja terdedah kepada pihak berkepentingan; 2. Kredibiliti dan imej Jabatan terjejas; 3. Data boleh dimanipulasi oleh pihak berkepentingan; 4. Pegawai boleh dikenakan tindakan tatatertib; 5. Dasar dan program tidak selari dengan aspirasi Kerajaan	Moderate	Moderate	Significant	Reduce
4	Penyelewengan/salah guna kuasa dalam memberi syor/ulasan perancangan	1. Kurang penyeliaan pegawai terhadap kawalan keluar masuk maklumat; 2. Kecuaian pegawai dalam urusan simpanan dan keselamatan maklumat; 3. Kurang kesedaran/ pemahaman	1. Maklumat mudah disalah guna atau dimanipulasi untuk kepentingan peribadi; 2. Kredibiliti dan imej Jabatan terjejas; 3. Menjejaskan imej jabatan; dan	Major	Likely	High	Reduce

Kod Risiko	Potensi Risiko Rasuah	Punca-Punca	Akibat	Impak	Kebarang-kalian	Tahap Risiko	Tindakan
		pegawai terhadap kawalan keselamatan maklumat; 4. Tiada sistem kawalan urusan pengeluaran surat menyurat; 5. Pegawai mengutamakan kepentingan peribadi; dan 6. Tiada pelaporan terhadap salah laku pegawai.	4. Peningkatan keselamatan maklumat-maklumat kerajaan. risiko terhadap maklumat-maklumat				
5	Pegawai menerima bayaran/habuan/ upah daripada pelanggan untuk mempercepatkan semakan untuk kepentingan peribadi	1. Kurang penyeliaan pegawai terhadap kawalan keluar masuk maklumat; 2. Kurang kesedaran/ pemahaman pegawai terhadap kawalan keselamatan maklumat; 3. Pegawai mengutamakan kepentingan peribadi; 4. Tiada pelaporan terhadap salah laku pegawai; dan 5. Tidak jujur/ amanah/ bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas. 6. Tiada sistem pembayaran secara "online".	1. Maklumat mudah disalah guna atau dimanipulasi untuk kepentingan peribadi; 2. Kredibiliti dan imej Jabatan terjejas; 3. Peningkatan risiko terhadap keselamatan maklumat-maklumat kerajaan; dan 4. Membiarkan kepentingan peribadi bercanggah dengan kepentingan awam.	Major	Likely	High	Reduce

Kod Risiko	Potensi Risiko Rasuah	Punca-Punca	Akibat	Impak	Kebarang-kalian	Tahap Risiko	Tindakan
6	Penyalahgunaan kuasa oleh pegawai dalam perolehan kewangan	1. Menggunakan jawatan memanipulasi peraturan sedia ada; 2. Pegawai kurang integriti; 3. Tidak faham SOP dan peraturan/ tata cara sedia ada; 4. Penyediaan spesifikasi yang menjurus sesuatu jenama/ pembekal; 5. Pengaruh budaya kerja yang tidak betul; 6. Kepentingan Peribadi; 7. Tidak menjaga kerahsiaan maklumat perolehan; dan 8. Mendedahkan id dan kata laluan sistem perolehan/kewangan.	1. Pembekalan barangan/ perkhidmatan tidak berkualiti; 2. Mewujudkan persepsi negatif kepada pengurusan perolehan Jabatan; 3. Peluang kepada pembekal lain terhad; 4. Mewujudkan amalan negatif dalam kalangan penjawat awam; 5. Kredibiliti dan imej Kerajaan/ Jabatan terjejas; 6. Bekalan/kerja/perkhidmatan lewat disempurnakan 7. Aduan daripada pembekal/ kontraktor kerana tatacara perolehan yang tidak teratur; dan 8. Mewujudkan persekitaran kerja yang tidak sihat.	Major	Moderate	High	Reduce

RINGKASAN PELAN TINDAKAN

Kod Risiko	Risiko/ Potensi Risiko	Pernyataan Inisiatif	TOR	Bidang / Tanggung Jawab	Tempoh Selesai Pelaksanaan (2025 – 2030)
1	Pengeluaran data geospasial antara pegawai Jabatan dan berkepentingan dan untuk kepentingan peribadi	- Menambahbaik <i>Standard Operating Procedure (SOP)</i> Pengurusan Data Geospasial sedia ada dengan penyediaan SOP Permohonan Data Geospasial daripada Pangkalan Data PLANMalaysia Pahang; - Pegawai Bahagian membuat pemantauan dan pemeriksaan mengejut terhadap peranti storan komputer pegawai bagi memastikan hanya pegawai yang terlibat dalam kajian sahaja memiliki data berkaitan; - Mengadakan Kursus Pengurusan Dokumen Terperingkat; dan; - Membuat hebahan keselamatan data kepada pegawai.	2 4 5 2	BRP BRP BP BP	Jun 2025 1 kali setahun 2025 1 kali setahun
2	Kebocoran maklumat terperinci (dokumen kajian) semasa peringkat penyediaan Rujukan	- Pegawai yang terlibat dalam kajian/projek perlu mengisi Borang <i>Conflict of Interest</i> dan difaalkan. - Pegawai Bahagian membuat pemantauan dan pemeriksaan mengejut terhadap peranti storan komputer pegawai bagi memastikan hanya pegawai yang terlibat dalam kajian sahaja memiliki data dan maklumat berkaitan; dan - Mengeluarkan arahan/ peringatan tentang pengendalian dokumen terperinci kepada semua Bahagian.	2 5 5	BRP BRP BP	Berterusan Berterusan 1 kali setahun

Kod Risiko	Risiko/ Potensi Risiko	Pernyataan Inisiatif	TOR	Bidang / Tanggung Jawab	Tempoh Selesai Pelaksanaan (2025 – 2030)
3	Pakatan pegawai Jabatan dengan pihak berkepentingan terhadap maklumat kerajaan yang belum dimuktamadkan	1. Menghadkan keahlian urus setia dalam mesyuarat JPN/JTKSAS/SIA/20A;	3	BRP/BKP/BK	Berterusan
		2. Pegawai yang terlibat dalam mesyuarat JPN/JTKSAS/SIA/20A perlu mengisi Borang <i>Conflict of Interest</i> dan difailkan; dan	3	BRP/BKP/BK	1 kali setahun
		3. Melaksanakan pusingan kerja.	3	BRP/BKP/BK	Ikut keperluan
4	Penyelewengan/salah guna kuasa dalam memberi syor/ulasan perancangan	1. Membangunkan sistem permohonan maklumat perancangan secara dalam talian bagi mengawal urusan pengeluaran surat ulasan;	2	BKP	2026
		2. Mengadakan Kursus Pengurusan Dokumen Terperingkat;	5	BP	2025
		3. Mengadakan Kursus/Taklimat Integriti/Rasuah; dan	5	BP	Ikut keperluan
		4. Melaksanakan pusingan kerja.	2	BKP	Ikut keperluan
5	Pegawai menerima bayaran/ habuan /upah daripada pelanggan untuk mempercepatkan semakan zoning untuk kepentingan peribadi	1. Membangunkan sistem permohonan maklumat perancangan secara dalam talian bagi mengawal urusan pengeluaran surat ulasan;	2	BKP	2026
		2. Menyediakan Tatacara semakan perancangan;	2	BKP	Februari 2025
		3. Membuat hebahan harga maklumat semakan perancangan;	2	BRP/BKP	2025
		4. Mengadakan Kursus/Taklimat Integriti/Rasuah;	5	BP	2025

Kod Risiko	Risiko/ Potensi Risiko	Pernyataan Inisiatif	TOR	Bidang / Tanggung Jawab	Tempoh Selesai Pelaksanaan (2025 – 2030)
		5. Mengadakan Kursus Pengurusan Dokumen Terperingkat; dan 6. Mewujudkan sistem bayaran secara "online"	5 5	BP BKP	2025 2025
6	Penyalahgunaan kuasa oleh pegawai dalam proses perolehan dan kewangan	1. Pemilihan ahli jawatankuasa penilaian teknikal/ kewangan dari Jabatan yang berbeza; 2. Membuat pusingan pegawai yang dilantik menganggotai Jawatankuasa Pembuka/ Penilaian Tender/ Sebut Harga; 3. Menandatangani <i>Integriti Pack</i> untuk memperkukuhkan usaha meningkatkan integriti dan ketelusan dalam perolehan kerajaan serta mencegah ketirisan dalam perbelanjaan kerajaan dan mengekang penyalahgunaan kuasa; dan 4. Mengadakan program/taklimat bagi meningkatkan kefahaman, kemahiran dan kompetensi pegawai di Jabatan berkaitan proses perolehan dan kewangan.	5 5 2 4	BP BP BP BP	Berterusan Berterusan 1 kali setahun 1 kali setahun

Petunjuk :

Terms of Reference (TOR)

(Terma Rujukan Jawatankuasa Anti Rasuah)

1	Dasar Perundangan dan Peraturan
2	Sistem dan Prosedur Kerja
3	Pengukuhan Governans dan Integriti
4	Pengesanan, Pematuhan, Punitif dan Pemulihan

BK	Bahagian Perancangan Korporat & Lembaga Rayuan
BKP	Bahagian Kawalan Perancangan
BRP	Bahagian Rancangan Pembangunan & Projek Khas
BP	Bahagian Pentadbiran

5. PEMANTAUAN PELAN ANTI-RASUAH ORGANISASI

Pemantauan Pelan Tindakan OACP bertujuan untuk menilai:-

1

Kemajuan Penyediaan Pelan Tindakan

2

Kemajuan Pelaksanaan Pelan Tindakan

3

Keberkesanan Pelan Tindakan

4

Adakah terdapat risiko rasuah yang baharu (aktiviti/ proses kerja utama baru/ sedia)

5

Perubahan taraf risiko kepada aktiviti proses kerja utama sedia ada daripada rendah ke tinggi. Contohnya:-

- *Moderate* ⇒ *Significant*
- *Moderate* ⇒ *High*

STATUS PELAKSANAAN PELAN ANTI-RASUAH ORGANISASI

JABATAN : PLANMalaysia Pahang							Status Sehingga
Bil	Risiko/ Potensi Risiko	Pernyataan Inisiatif	TOR	Bidang / Tanggung Jawab	Tempoh Selesai Pelaksanaan (2025 – 2030)	Status	Maklumbalas / Catatan
1	Pengeluaran data geospacial antara pegawai Jabatan dan pihak berkepentingan dan untuk kepentingan peribadi	- Menambahbaik <i>Standard Operating Procedure (SOP)</i> Pengurusan Data Geospacial sedia ada dengan penyediaan SOP Permohonan Data Geospacial daripada Pangkalan Data PLANMalaysia Pahang; - Pegawai Bahagian membuat pemantauan dan pemeriksaan mengejut terhadap peranti storan komputer pegawai bagi memastikan hanya pegawai yang terlibat dalam kajian sahaja memiliki data berkaitan; - Mengadakan Kursus Pengurusan Dokumen Terperingkat; dan; - Membuat hebahan keselamatan data kepada pegawai.	2 4 5 2	BRP BRP BP BP	Jun 2025 1 kali setahun 2025 1 kali setahun		
2	Kebocoran maklumat terperinci (dokumen kajian) semasa peringkat penyediaan Terma Rujukan	- Pegawai yang terlibat dalam kajian/projek perlu mengisi Borang <i>Conflict of Interest</i> dan difailkan. - Pegawai Bahagian membuat pemantauan dan pemeriksaan mengejut terhadap	2 5	BRP BRP	Berterusan Berterusan		

JABATAN : PLANMalaysia Pahang							Status Sehingga
Bil	Risiko/ Potensi Risiko	Pernyataan Inisiatif	TOR	Bidang / Tanggung Jawab	Tempoh Selesai Pelaksanaan (2025 – 2030)	Status	Maklumbalas / Catatan
		peranti storan komputer pegawai bagi memastikan hanya pegawai yang terlibat dalam kajian sahaja memiliki data dan maklumat berkaitan; dan 3. Mengeluarkan arahan/ peringatan tentang pengendalian dokumen terperingkat kepada semua Bahagian.	5	BP	1 kali setahun		
3	Pakatan pegawai Jabatan dengan berkepentingan terhadap maklumat yang belum dimuktamadkan	1. Menghadkan keahlian urus setia dalam mesyuarat JPN/JTKSAS/SIA/20A; 2. Pegawai yang terlibat dalam mesyuarat JPN/JTKSAS/SIA/20A perlu mengisi Borang <i>Conflict of Interest</i> dan difailkan; dan 3. Melaksanakan pusingan kerja.	3 3 3	BRP/BKP/BK BRP/BKP/BK BRP/BKP/BK	Berterusan 1 kali setahun Ikut keperluan		
4	Penyelewengan/salah guna kuasa dalam memberi syor/ulasan perancangan	1. Membangunkan sistem permohonan maklumat perancangan secara dalam talian bagi mengawal urusan pengeluaran surat ulasan;	2	BKP	2026		

JABATAN : PLANMalaysia Pahang							Status Sehingga
Bil	Risiko/ Potensi Risiko	Pernyataan Inisiatif	TOR	Bidang / Tanggung Jawab	Tempoh Selesai Pelaksanaan (2025 – 2030)	Status	Maklumbalas / Catatan
5		2. Mengadakan Kursus Pengurusan Dokumen Terperingat;	5	BP	2025		
		3. Mengadakan Integriti/Rasuah; dan	5	BP	Ikut keperluan		
		4. Melaksanakan pusingan kerja.	2	BKP	Ikut keperluan		
		1. Membangunkan sistem permohonan maklumat perancangan secara dalam talian bagi mengawal urusan pengeluaran surat ulasan;	2	BKP	2026		
	Pegawai menerima bayaran/habuan/ upah daripada pelanggan untuk mempercepatkan semakan zoning untuk kepentingan peribadi	2. Menyediakan Tatacara semakan perancangan;	2	BKP	Februari 2025		
		3. Membuat hebahan harga maklumat semakan perancangan;	2	BRP/BKP	2025		
		4. Mengadakan Integriti/Rasuah;	5	BP	2025		
		5. Mengadakan Kursus Pengurusan Dokumen Terperingat; dan	5	BP	2025		
		6. Mewujudkan sistem bayaran secara 'online'	5	BKP	2025		

JABATAN : PLANMalaysia Pahang							Status Sehingga
Bil	Risiko/ Potensi Risiko	Pernyataan Inisiatif	TOR	Bidang / Tanggung Jawab	Tempoh Selesai Pelaksanaan (2025 – 2030)	Status	Maklumbalas / Catatan
6	Penyalahgunaan kuasa oleh pegawai dalam proses perolehan dan kewangan	1. Pemilihan ahli jawatankuasa penilaian teknikal/ kewangan dari Jabatan yang berbeza;	5	BP	Berterusan		
		2. Membuat pusingan pegawai yang dilantik menganggotai Jawatankuasa Pembuka/ Penilaian Tender/ Sebut Harga;	5	BP	Berterusan		
		3. Menandatangani <i>Integriti Pack</i> untuk memperkukuhkan usaha meningkatkan integriti dan ketelusan dalam perolehan kerajaan serta mencegah ketirisan dalam perbelanjaan kerajaan dan mengekang penyalahgunaan kuasa; dan	2	BP	1 kali setahun		
		4. Mengadakan program/taklimat bagi meningkatkan kefahaman, kemahiran dan kompetensi pegawai di Jabatan berkaitan proses perolehan dan kewangan.	4	BP	1 kali setahun		

6. PENUTUP

Pelan Anti-Rasuah Organisasi adalah satu cara berkesan yang boleh digunakan oleh sesebuah organisasi untuk mengesan risiko rasuah di kementerian/jabatan. Pengurusan boleh mengenal pasti jawatan atau orang yang cenderung ke arah risiko rasuah.

Jabatan juga menubuhkan Jawatankuasa Anti-Rasuah Peringkat Jabatan dalam usaha mencegah dan mengatasi perbuatan rasuah. Walaupun terdapat banyak kaedah kawalan yang boleh diambil untuk mencegah atau mengurangkan risiko rasuah di organisasi seperti penambahbaikan SOP, kursus/latihan berintegriti, kerjasama dengan pihak SPRM dan sebagainya, namun kawalan yang paling berkesan bagi mengurangkan punca dan peluang perbuatan rasuah, penyelewangan serta penyalahgunaan kuasa ialah kawalan dalaman organisasi.

Rasuah adalah satu penyakit yang boleh menular dan mempengaruhi pegawai lain di organisasi maka adalah amat penting untuk mengambil langkah pencegahan dengan segera. Semoga penerbitan pelan ini dapat dijadikan panduan dan rujukan kepada pengurusan jabatan dalam menyelaras dan memantau pelaksanaan pelan tindakan OACP di PLANMalaysia Pahang secara keseluruhannya.